



جائين كواغن دان فرينداهاراعن نغري

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI  
Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh  
75450 MELAKA

One Number Call Centre:  
06-333 3333  
Faksimili:  
06-231 6489  
Portal Rasmi:  
<http://jkpnm.melaka.gov.my>

Ruj. Kami : JKPNMPENT.100-1/6/1 ( 1 )

Tarikh : 13 April 2015

Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

YB Datuk/YBhg. Datuk/Y.A.A. Tuan/Tuan/Puan,

### PELAKSANAAN CUKAI BARANG & PERKHIDMATAN (GST) KE ATAS PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat dari Kementerian Kewangan Malaysia rujukan S/K.KEW/PK/MOF/D/41 SK.1 (10) bertarikh 4 Mac 2015.

2. Selaras dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berkuat kuasa 1 April 2015, Kementerian Kewangan Malaysia telah menetapkan pelaksanaan GST dalam Kontrak Perolehan Kerajaan seperti di **Lampiran A** yang terpakai kepada semua Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

3. Bagi tujuan penyelarasan, Jabatan di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka hendaklah mengemukakan maklumat kontrak yang berkuat kuasa bagi perolehan kerja dan perkhidmatan (perunding dan bukan perunding) yang mana tempoh kontrak melangkaui 1 April 2015 kepada **Unit Perolehan dan Pengurusan Aset, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka** mengikut format yang ditetapkan seperti di **Lampiran B** selewat-lewatnya pada **30 April 2015 (Khamis)**.

4. Sehubungan dengan itu, YB Datuk/YBhg. Datuk/Y.A.A. Tuan/Tuan/Puan selaku Pegawai Pengawal di Jabatan dikehendaki memastikan dasar kenaaan GST dalam perolehan Kerajaan Negeri adalah seperti yang telah ditetapkan di **Para 6 (xiv) di dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 1/2013-Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan** dipatuhi sepenuhnya. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada pegawai seperti di **Lampiran C**. Penjelasan lanjut berkenaan pelaksanaan GST dalam perolehan Kerajaan boleh dirujuk dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 1/2013 dan Soalan Lazim di dalam laman sesawang Kementerian Kewangan Malaysia.




5. Pemakaian pelaksanaan ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri adalah dikenakan GST tertakluk kepada apa-apa pelepasan yang diberikan di bawah **Akta 762**. Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri hendaklah merujuk kepada laman sesawang [gst.customs.gov.my](http://gst.customs.gov.my) bagi maklumat lanjut. Bersama-sama ini disertakan salinan surat edaran dan slaid pembentangan Pelaksanaan GST Dalam Perolehan Kerajaan daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF untuk rujukan di pihak YB Datuk/YBhg. Datuk/Y.A.A. Tuan/Tuan/Puan. Surat ini berserta lampiran yang berkaitan juga boleh dimuat turun di laman sesawang Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka ([http:// jkpnm.melaka.gov.my](http://jkpnm.melaka.gov.my)).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II”**  
**“BERKAT, TEPAT, CEPAT”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATUK MOHD ZIN BIN MANSOR)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
**MELAKA**

s.k.:

- i) YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
**MELAKA**
- ii) Pengarah  
Jabatan Audit Negara  
Cawangan Negeri Melaka




**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**  
(Ministry of Finance Malaysia)  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,  
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62592 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8882 3000  
Cable : TREASURY, KL  
Telex : FEDTRY MA 32369  
Fax : 03-8882 4352  
:  
Web : <http://www.treasury.gov.my>

Ruj. Kami : S/K.KEW/PK/MOF/D/41 SK.1(i0)

Tarikh : 4 Mac 2015

Ketua Setiausaha Negara  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri



YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato' Sri/ Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

## **PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) KE ATAS PEROLEHAN KERAJAAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] akan berkuat kuasa mulai 1 April 2015.
3. Sehubungan itu, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ke atas kontrak perolehan Kerajaan adalah seperti berikut:

### (a) Perolehan Bekalan

- (i) Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah diberi pelepasan daripada membayar GST ke atas perolehan bekalan (barang) kecuali bagi kereta import dan petroleum, selaras dengan Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 [P.U.(A) 273/2014]. Walau bagaimanapun, pelepasan daripada membayar GST hendaklah dibuat melalui pengeluaran Certificate of GST Relief (CoGSTR); dan
- (ii) CoGSTR perlu ditandatangani ke atas setiap perolehan yang mendapat pelepasan GST seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 bagi membolehkan GST dikecualikan ke atas perolehan tersebut. Dalam hal ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang diturun kuasa oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sebagai pelulus Pesanan Tempatan/Surat Setuju Terima (SST) dibenarkan untuk menandatangani CoGSTR mengikut had nilai perolehan yang telah ditetapkan.

(b) Perolehan Kerja, Perkhidmatan Perunding dan Perkhidmatan Bukan Perunding

- (i) Perolehan kerja, Perkhidmatan Perunding dan Perkhidmatan Bukan Perunding adalah dikenakan GST; dan
- (ii) Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah menggunakan peruntukan sedia ada bagi menampung kenaikan GST.

4. Kementerian Kewangan telah menetapkan pelaksanaan GST dalam Kontrak Perolehan Kerajaan seperti di **Lampiran A** adalah terpakai kepada semua Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

5. Bagi tujuan penyelarasan, Agensi hendaklah mengemukakan maklumat kontrak yang berkuat kuasa bagi perolehan kerja dan perkhidmatan (perunding dan bukan perunding) yang mana tempoh kontrak melangkaui 1 April 2015 kepada Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK), Kementerian Kewangan mengikut format yang ditetapkan seperti di **Lampiran B** selewat-lewatnya pada **15 Mei 2015**.


6. Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan GST ke atas perolehan Kerajaan dipatuhi sepenuhnya. Sebarang penjelasan berkenaan pelaksanaan GST dalam perolehan Kerajaan boleh dirujuk kepada BPK manakala sebarang tafsiran berkenaan kenaikan GST hendaklah dirujuk terus kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Senarai pegawai BPK dan JKDM yang boleh dihubungi adalah seperti di **Lampiran C**. Penjelasan lanjut berkenaan pelaksanaan GST dalam perolehan Kerajaan akan dikeluarkan dalam 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) dan Soalan Lazim di dalam laman sesawang Perbendaharaan.

7. Surat ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATUK NOZIRAH BINTI BAHARI)**  
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kemenerian Kewangan Malaysia

## Pelaksanaan Kenaan GST Bagi Kontrak Perolehan Kerajaan

Bil.	Perkara	Keterangan
1.	Kontrak perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa di mana Surat Setuju Terima (SST) telah ditandatangani dan tempoh kontrak melangkaui 1 April 2015	Dikecualikan daripada kenaan GST sehingga kontrak tersebut tamat.
2.	Lanjutan kontrak perolehan Kerajaan bekalan dan perkhidmatan yang berkuat kuasa di mana SST telah ditandatangani pada atau selepas 1 April 2015	<p>a. Bagi kontrak perolehan bekalan dan perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa dan dilanjutkan tempoh kontrak pada atau selepas 1 April 2015, kontrak baharu hendaklah diwujudkan dengan mengambil kira kenaan GST;</p> <p>b. Pengiraan Bon Pelaksanaan (BP) bagi kontrak lanjutan tersebut hendaklah berdasarkan nilai kontrak lanjutan termasuk kenaan GST;</p> <p>c. Sekiranya nilai BP sedia ada mencukupi untuk menampung nilai tambahan BP bagi lanjutan kontrak, memadai BP sedia ada dikekalkan dengan tempoh sah laku BP dilanjutkan; dan</p> <p>d. Sekiranya nilai BP sedia ada tidak mencukupi untuk menampung nilai tambahan BP bagi kontrak yang dilanjutkan, BP baharu hendaklah diperolehi.</p>
3.	Kontrak kerja semasa yang sedang berkuat kuasa pada atau selepas 1 April 2015 yang melibatkan pelanjutan masa ( <i>Extension of Time - EOT</i> )	Dikecualikan daripada kenaan GST sehingga kontrak tersebut tamat.
4.	Perolehan perkhidmatan perunding	<p>a. Perolehan perkhidmatan perunding adalah dikenakan GST; dan</p> <p>b. Bagi firma perunding yang telah berdaftar GST, Cukai Perkhidmatan sedia ada yang dikenakan sebanyak 6% digantikan dengan kenaan GST.</p>

Bil.	Perkara	Keterangan
5.	Perolehan Kerajaan yang dipelawa dan ditutup sebelum 1 April 2015 tetapi SST dikeluarkan pada atau selepas 1 April 2015	<p>a. Dikenakan GST;</p> <p>b. Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah mengeluarkan surat makluman kepada syarikat yang berjaya supaya membuat pengisytiharan status pendaftaran GST sebelum SST dikeluarkan;</p> <p>c. Sekiranya syarikat yang berjaya adalah berdaftar GST dengan JKDM, Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan mengeluarkan SST/Pesanan Tempatan/Inden Kerja kepada syarikat dengan tawaran harga termasuk kenaaan GST;</p> <p>d. Bagi syarikat yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta GST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah mengeluarkan SST dengan syarat tambahan bahawa syarikat hendaklah berdaftar dengan JKDM. Nombor pendaftaran GST hendaklah dikemukakan oleh syarikat secepat mungkin sebelum apa-apa pembayaran dibuat; dan</p> <p>e. Nilai BP adalah dikira berdasarkan harga kontrak termasuk kenaaan GST.</p>
6.	Perolehan Kerajaan yang dipelawa/ditawar dan/atau ditutup pada atau selepas 1 April 2015	<p>Dikenakan GST.</p> <p>Dokumen tawaran hendaklah mengandungi syarat-syarat seperti berikut:</p> <p>a. Semua tawaran harga (pembelian terus, lantikan terus, sebut harga dan tender) oleh syarikat hendaklah dikemukakan tanpa kenaaan GST;</p> <p>b. Syarikat hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran GST kepada Agensi;</p> <p>c. Sekiranya syarikat yang berjaya adalah berdaftar GST dengan JKDM,</p>

Bil.	Perkara	Keterangan
		<p>Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan mengeluarkan SST/Pesanan Tempatan/Inden Kerja kepada syarikat dengan tawaran harga termasuk kenaan GST; dan</p> <p>d. Bagi syarikat yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta GST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka syarikat hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta GST. Syarikat hendaklah membuat permohonan untuk pelarasan bagi kenaan GST. Pelarasan harga kenaan GST hendaklah dimuktamadkan oleh Pegawai Pengawal.</p>
7.	<p>Tanggungjawab Untuk Menandatangani <i>Certificate of GST Relief (CoGSTR)</i> Ke Atas Perolehan Yang Mendapat Pelepasan GST</p>	<p>a. CoGSTR perlu ditandatangani ke atas setiap perolehan yang mendapat pelepasan GST seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 bagi membolehkan GST dikecualikan ke atas perolehan tersebut;</p> <p>b. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang diturun kuasa oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sebagai pelulus Pesanan Tempatan/SST/Inden Kerja dibenarkan untuk menandatangani CoGSTR mengikut had nilai perolehan yang telah ditetapkan; dan</p> <p>c. Contoh format CoGSTR dan format borang penurunan kuasa CoGSTR akan dikeluarkan melalui 1PP.</p>
8.	<p>Kenaan GST Ke Atas Pembekalan Oleh Pihak Kerajaan</p>	<p>Di bawah Seksyen 64 (1), Akta GST 2014 diperuntukkan perolehan pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat oleh Kerajaan sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dikecualikan daripada kenaan GST.</p>

Bil.	Perkara	Keterangan
		<p>Walau bagaimanapun, perolehan pembekalan oleh pihak Kerajaan yang akan dikenakan ke atas GST seperti mana di bawah Perintah GST (Pemakaian kepada Kerajaan) 2014 adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Air dirawat – JKR Perlis, JKR Sarawak dan Jabatan Air Negeri Sabah;</li> <li>ii) Ruang pengiklanan / masa pengiklanan di radio dan televisyen; sewaan peralatan dan kemudahan penyiaran – Jabatan Penyiaran Malaysia;</li> <li>iii) Barang yang dibuat dan perkhidmatan yang disediakan oleh banduan – Jabatan Penjara Malaysia; dan</li> <li>iv) Apa-apa pembekalan berhubung dengan pengangkutan barang – Jabatan Keretapi Negeri Sabah.</li> </ul>
9.	<p>Kenaan GST Ke Atas Pembekalan Dalam <i>Designated Areas</i> – DA (Langkawi, Labuan, Tioman)</p>	<p>Perolehan bagi bekalan/perkhidmatan/kerja di dalam DA (contohnya Langkawi –Langkawi) atau di antara DA (contohnya Langkawi – Labuan) tidak dikenakan GST.</p> <p>Walau bagaimanapun, cukai hendaklah dikenakan pada kadar yang ditetapkan di bawah subseksyen 10(1) Akta GST 2014 bagi perolehan yang melibatkan DA ke atas :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pembekalan petrol, diesel dan gas petroleum cecair dalam atau di antara DA atau pengimportan barang itu ke dalam DA;</li> <li>ii) Perkhidmatan pengangkutan yang dibekalkan di antara DA;</li> <li>iii) Perkhidmatan telekomunikasi yang dibekalkan dalam atau di antara DA;</li> <li>iv) Pengimportan simen marmar atau getah ke dalam Langkawi; dan</li> </ul>



Bil.	Perkara	Keterangan
		v) Pembekalan kenderaan bermotor ke atau dalam, atau pengimportan kenderaan bermotor ke dalam, Tioman.
10.	Pemakaian Pelaksanaan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun	Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun adalah dikenakan GST tertakluk kepada apa-apa pelepasan yang diberikan di bawah Akta 762. Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun hendaklah merujuk kepada laman sesawang <a href="http://gst.customs.gov.my">gst.customs.gov.my</a>

Kontrak Perolehan Kerajaan yang Sedang Berkuat Kuasa dan Tempoh Kontrak Melangkaui 1 April 2015  
Kementerian/Jabatan/Agensi:

Kontrak Perolehan Semasa (Nama dan Nombor Kontrak)	Tempoh Kontrak		Nilai Kontrak (RM)	Baki Nilai Kontrak Mulai 1 April 2015 Hingga Tamat Tempoh Kontrak (RM) (a)	Nilai Kontrak yang Dilepaskan Kenaan GST (a) x 6% (RM)
	Tarikh Mula	Tarikh Tamat			
Perolehan Perkhidmatan Bukan Perunding 1. 2.					
<b>Jumlah</b> Perolehan Perkhidmatan Perunding 1. 2.					# Tidak berkaitan bagi perolehan perkhidmatan perunding
<b>Jumlah</b> Perolehan Kerja 1. 2.					
<b>Jumlah</b>					

Disediakan oleh : Disemak oleh :

Tandatangan :  
Nama :  
Jawatan :  
Cop Jabatan :  
Tarikh :

**Senarai Pegawai Yang Boleh Dihubungi**

<b>JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>No. Telefon (06-333 3333)</b>	<b>E-mel (@melaka.gov.my)</b>
1.	Puan Sharifah Ridzuah binti Syed Sayuthi (Perolehan & Peng. Aset)	7638	<a href="mailto:ridzuah@melaka.gov.my">ridzuah</a>
2.	Cik Nor Hazira binti Sahari (Perolehan & Peng. Aset)	7584	<a href="mailto:norhazira@melaka.gov.my">norhazira</a>
3.	Puan Roslini binti Mohamad @Yusop (Perolehan & Peng. Aset)	7385	<a href="mailto:roslini@melaka.gov.my">roslini</a>
4.	Cik Aida Suhana binti Barudin (Khidmat Pengurusan)	7466	<a href="mailto:aidasuhana@melaka.gov.my">aidasuhana</a>

<b>BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN, KEMENTERIAN KEWANGAN</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>No. Telefon (03-8882 xxxx)</b>	<b>E-mel (@treasury.gov.my)</b>
1.	En. Shahrul Kamal bin Osman	3283	<a href="mailto:shahrul.kamal.osman@treasury.gov.my">shahrul.kamal.osman</a>
2.	En. Ahmad Fauzi bin Sungip	3232	<a href="mailto:ahmad.fauzi@treasury.gov.my">ahmad.fauzi</a>
3.	En. Mohd Amir bin Mohd Dali	3193	<a href="mailto:amir.dali@treasury.gov.my">amir.dali</a>
4.	Cik Fara binti Anwary	4050	<a href="mailto:fara.anwary@treasury.gov.my">fara.anwary</a>
5.	Pn. Kalsom binti Hamid	3293	<a href="mailto:kalsom.hamid@treasury.gov.my">kalsom.hamid</a>
6.	YM. Engku Zakir Hussein bin Syed Abdullah	3299	<a href="mailto:zakir.abdullah@treasury.gov.my">zakir.abdullah</a>
7.	En. Kamel Idham Ibrahim	4476	<a href="mailto:kamel.ibrahim@treasury.gov.my">kamel.ibrahim</a>
8.	En. Shah Iskandar bin Zulkarnain	3287	<a href="mailto:Iskandar.zulkarnain@treasury.gov.my">Iskandar.zulkarnain</a>
9.	En. Sasitharan a/l S. Mariappen	3284	<a href="mailto:sasitharan.mariappen@treasury.gov.my">sasitharan.mariappen</a>

<b>JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>No. Telefon</b>	<b>E-mel</b>
1.	Bahagian GST, Jabatan Kastam Negeri Melaka	06 232 5871/ 06-232 5872	<a href="mailto:gst.customs.gov.my">gst.customs.gov.my</a>
2.	Talian Bebas Tol (Pertanyaan Umum)	1-300-888-500	
3.	Talian Am (Pertanyaan Umum & Pendaftaran)	03-8882 2111/ 03-8882 2220	
4.	Tuan Abd. Razak bin ahmad Arshad	03-8882 2792	<a href="mailto:abd.razak@customs.gov.my">abd.razak@customs.gov.my</a>
5.	Pn. Patmawaty binti Jubily	03-8882 2856	<a href="mailto:patmawaty.j@customs.gov.my">patmawaty.j@customs.gov.my</a>

